

# Bahasa Malaysia (910)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 33 123 calon. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 73.01%, menurun sebanyak 0.26% berbanding dengan tahun 2011.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.57	7.21	7.11	13.10	12.98	13.38	12.66	6.59	8.88	3.84	7.68

## RESPONS CALON

### KERTAS 910/1 (ANEKA PILIHAN)

#### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	<b>B</b>	21	<b>C</b>	41	<b>C</b>
2	<b>D</b>	22	<b>B</b>	42	<b>B</b>
3	<b>A</b>	23	<b>A</b>	43	<b>B</b>
4	<b>D</b>	24	<b>B</b>	44	<b>C</b>
5	<b>A</b>	25	<b>A</b>	45	<b>A</b>
6	<b>C</b>	26	<b>C</b>	46	<b>D</b>
7	<b>C</b>	27	<b>D</b>	47	<b>A</b>
8	<b>D</b>	28	<b>A</b>	48	<b>B</b>
9	<b>C</b>	29	<b>D</b>	49	<b>C</b>
10	<b>C</b>	30	<b>A</b>	50	<b>D</b>
11	<b>A</b>	31	<b>D</b>	51	<b>C</b>
12	<b>B</b>	32	<b>C</b>	52	<b>D</b>
13	<b>A</b>	33	<b>B</b>	53	<b>C</b>
14	<b>D</b>	34	<b>B</b>	54	<b>B</b>
15	<b>B</b>	35	<b>C</b>	55	<b>A</b>
16	<b>A</b>	36	<b>D</b>	56	<b>B</b>
17	<b>B</b>	37	<b>B</b>	57	<b>C</b>
18	<b>A</b>	38	<b>B</b>	58	<b>C</b>
19	<b>A</b>	39	<b>D</b>	59	<b>A</b>
20	<b>A</b>	40	<b>C</b>	60	<b>D</b>

### **Komen am**

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Kertas 1 bagi tahun ini adalah baik. Terdapat lapan orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 56 markah daripada markah penuh 60 markah. Hanya seorang calon yang mendapat markah yang terendah, iaitu 10 markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, iaitu soalan 1 hingga soalan 10 adalah baik. Lima daripada soalan tersebut, iaitu soalan 1, 6, 7, 8, dan 9 ialah soalan beraras mudah, kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 2, 3, 4, 5, dan 10 pula berada pada aras sederhana.

Bagi soalan bukan petikan pemahaman, calon mendapati bahawa soalan 19, 30, 32, 35, 38, 39, 48, 58, dan 60 merupakan soalan beraras mudah. Sementara itu, soalan 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 33, 36, 37, 40, 41, 43, 44, 45, 46, 47, 49, 50, 52, 54, 56, 57, 59 ialah soalan sederhana, manakala soalan 14, 34, 42, 51, 53, dan 55 merupakan soalan sukar.

### **Komen soalan demi soalan**

#### **Soalan 18**

Ada segelintir calon yang berpencapaian tinggi memilih distraktor C sebagai jawapan sedangkan kunci jawapannya ialah opsyen A. Sebanyak 37.8% calon daripada kumpulan calon berpencapaian tinggi memilih distraktor C sebagai jawapan. Calon-calon ini menganggap bahawa kata “beranakkan” dalam distraktor C merupakan bahasa kasar. Walau bagaimanapun, 50.7% calon lain yang juga berpencapaian tinggi memilih opsyen A sebagai jawapan.

#### **Soalan 34**

Terdapat sebanyak 42.6% calon yang berpencapaian tinggi memilih distraktor C sebagai jawapan sedangkan kunci jawapannya ialah opsyen B. Calon yang memilih distraktor C menganggap bahawa terdapat empat morfem yang terkandung dalam perkataan “perikemanusiaan”, sedangkan jawapan yang tepat ialah terdapat tiga morfem dalam perkataan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 25.4% calon lain yang berpencapaian tinggi memilih opsyen B sebagai jawapan.

#### **Soalan 42**

Sebanyak 47.8% calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor C sebagai jawapan sedangkan kunci jawapannya ialah opsyen B. Calon dalam kumpulan ini menganggap bahawa kata “untuk” dalam distraktor C merupakan kata hubung pancangan komplemen sedangkan kata berkenaan berfungsi sebagai kata hubung pancangan keterangan dalam ayat tersebut. Jawapan yang tepat ialah opsyen B, dan terdapat sebanyak 21.2% calon lain yang berprestasi tinggi yang memilihnya sebagai jawapan.

Respons calon terhadap soalan-soalan lain dalam Kertas 1 adalah memuaskan.

## **KERTAS 910/2 (ESEI)**

### **Komen am**

Secara keseluruhan, prestasi calon bagi kertas ini pada tahun ini adalah sederhana. Jika dibuat perbandingan antara prestasi calon tahun ini dengan tahun sebelumnya, didapati bahawa pencapaiannya adalah lebih kurang sama.

### **BAHAGIAN A: Karangan**

Secara umumnya, prestasi calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan lima isi yang relevan dengan kehendak soalan. Walau bagaimanapun, calon masih lemah dalam aspek pengolahan. Walaupun calon dapat mengemukakan isi penting dengan tepat, kebanyakan mereka tidak mampu menghuraikan isi tersebut dengan kemas dan berkesan. Calon berprestasi tinggi dapat menguasai teknik penulisan karangan dengan baik. Mereka dapat memperkenalkan tajuk, menghuraikan isi, memberikan contoh, dan membuat kesimpulan yang sesuai dengan kehendak soalan. Namun demikian, terdapat juga calon yang tidak meneliti pernyataan tajuk dengan baik. Akibatnya, mereka mengemukakan isi yang tidak relevan dan hal ini menyebabkan mereka memperoleh markah yang rendah. Calon berprestasi rendah cenderung untuk mengulang isi dan mengemukakan dua atau tiga isi dalam satu perenggan. Bahasa dan olahan kebanyakan mereka juga lemah. Tegasnya, mereka tidak dapat menyampaikan idea dengan jelas walaupun mereka mempunyai idea utama yang relevan. Calon juga tidak mampu menggunakan bahasa dengan cekap dan berkesan. Mereka banyak melakukan kesalahan struktur ayat dalam penulisan karangan. Selain itu, ketiadaan perancangan dalam penulisan jawapan juga dapat dilihat daripada pemerenggan yang tidak seimbang, iaitu ada perenggan yang panjang berjela-jela, manakala perenggan lain pula terlalu pendek.

### **BAHAGIAN B: Rumusan**

Prestasi calon untuk bahagian ini adalah baik. Calon dapat mengenal pasti isi utama (IU), tiga hingga empat isi sokongan (IS), dan kesimpulan (K) dengan tepat dan lengkap. Hanya segelintir calon yang tidak dapat mengenal pasti isi utama dan kesimpulan dengan tepat. Hal ini menyebabkan mereka meletakkan IU dan K pada tempat yang salah.

### **BAHAGIAN C: Alih Bentuk Teks**

Secara keseluruhan, prestasi calon dalam bahagian ini adalah lemah. Walaupun calon memahami maksud teks dengan baik, namun mereka lemah dari segi penggunaan bahasa dan olahan. Kebanyakan jawapan mereka terikat dengan bahasa dalam teks. Kesannya, calon menghasilkan ayat-ayat yang tidak gramatis. Calon juga tidak menguasai teknik mengalih bentuk teks yang betul. Mereka memberikan ulasan, membuat laporan, dan menokok tambah isi sehingga mengubah maksud asal teks. Hal ini menyebabkan jawapan mereka meleret-leret.

### **BAHAGIAN D: Analisis Kesalahan Bahasa**

Prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Kebanyakan calon tidak dapat mengesahkan kesemua lima kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan yang diberikan. Calon hanya dapat mengenal pasti tiga kesalahan bahasa. Calon juga tidak dapat menjelaskan sebab kesalahan bahasa dengan tepat. Hal ini menyebabkan mereka gagal mendapat markah penuh bagi setiap kesalahan bahasa yang dikenal pasti.

## **Komen soalan demi soalan**

### **BAHAGIAN A: Karangan**

#### **Soalan 1**

Soalan ini meminta calon menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk membolehkan karya animasi tempatan menembusi pasaran antarabangsa. Jawapan yang sepatutnya termasuklah mengalihbahaskan karya animasi tempatan ke dalam bahasa-bahasa lain, menonjolkan watak karya animasi tempatan di peringkat antarabangsa, meningkatkan kualiti karya animasi dengan menggunakan teknologi terkini, dan menyertai pertandingan filem antarabangsa. Kebanyakan calon hanya memberikan dua hingga tiga isi yang relevan. Namun demikian, kelemahan calon yang ketara ialah mereka gagal untuk menghuraikan isi yang dikemukakan dengan baik. Mereka memberikan contoh yang tidak sesuai. Selain itu, terdapat juga calon yang membincangkan kepentingan karya animasi tempatan. Hal ini bertentangan dengan kehendak soalan. Kesannya, karangan calon terpesong dan ini menyebabkan mereka memperoleh markah yang rendah.

#### **Soalan 2**

Soalan ini mengkehendaki calon menyatakan pendapat tentang sejauh manakah pengambilan pemain import dapat memajukan sukan tanah air. Calon sepatutnya menyatakan pendirian mereka, iaitu sama ada bersetuju atau tidak tentang pernyataan tersebut dan seterusnya menghuraikan faktor lain yang dapat memajukan sukan tanah air. Terdapat segelintir calon yang dapat memberikan isi yang relevan dan dapat menghuraikannya dengan baik. Calon berkenaan juga dapat memberikan contoh yang sesuai. Selain itu, calon dapat menghuraikan faktor-faktor lain yang dapat memajukan sukan tanah air. Antaranya ialah faktor jurulatih yang berpengalaman, kemudahan dan peralatan sukan yang lengkap dan canggih, pemberian insentif yang setimpal kepada pemain tempatan, komitmen dalam kalangan pemimpin badan-badan sukan tanah air, dan faktor pemain tempatan itu sendiri. Namun demikian, terdapat juga calon yang memberikan isi yang tidak relevan, iaitu tentang kesan-kesan buruk kemasukan pemain import. Kelemahan lain yang dikesan ialah calon memberikan isi yang berulang-ulang dan contoh yang tidak relevan dengan isi yang dikemukakan.

#### **Soalan 3**

Soalan ini meminta calon menjelaskan kesan penggunaan laman sosial, seperti *blog*, *facebook*, *twitter*, dan *youtube*. Calon perlu membincangkan kesan baik dan kesan buruk penggunaannya. Calon dapat mengemukakan isi yang relevan berserta dengan huraian dan contoh yang sesuai. Hal ini demikian kerana calon mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kesan penggunaan laman sosial. Calon mengetahui bahawa laman sosial boleh memudahkan komunikasi, membuka peluang perniagaan dalam talian, memudahkan pengaksesan maklumat, dan menjadi sumber hiburan. Kesan buruk yang diberikan oleh calon ialah penyebaran fitnah, penipuan siber, pembaziran masa, dan kesan terhadap kesihatan. Secara keseluruhannya, isi yang dikemukakan oleh calon bertepatan dengan kehendak soalan. Namun demikian, terdapat juga segelintir calon yang memberikan isi yang tidak relevan, antaranya termasuklah terjejasnya imej negara dan industri pelancongan. Calon yang lemah juga cenderung untuk mengulang isi dalam perenggan yang berlainan, misalnya isi memudahkan komunikasi ditulis dan dihuraikan dalam tiga perenggan yang berbeza. Hal ini menyebabkan mereka mendapat markah yang rendah bagi aspek pengolahan.

#### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menulis karangan berformat laporan, iaitu tentang kesan negatif perlumbaan motosikal secara haram dan langkah untuk mengatasinya. Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi

yang relevan untuk kesan negatif perlumbaan motosikal secara haram, seperti terjerumus dalam kegiatan jenayah, mengganggu ketenteraman awam, mengancam keselamatan diri dan orang lain, menjelaskan tumpuan terhadap pelajaran atau pekerjaan, dan menyebabkan kerugian kerana kehilangan tenaga muda, wang, dan harta benda. Bagi langkah untuk mengatasinya pula, calon juga dapat mengemukakan isi yang relevan, antaranya termasuklah meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan lebih tegas, mengadakan kempen, peranan ibu bapa, dan peranan masyarakat. Calon dapat memberikan isi yang tepat dan menghuraikannya dengan baik. Namun demikian, kelemahan calon ialah mereka tidak menguasai format laporan yang betul. Hal ini menyebabkan mereka kehilangan markah format.

### **BAHAGIAN B: Rumusan**

#### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon merumuskan petikan dalam tiga perenggan dengan jumlah perkataan antara 160 hingga 170 patah perkataan. Secara keseluruhan, prestasi calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti isi utama, mengemukakan lima isi sokongan, dan seterusnya memberikan kesimpulan yang tepat. Calon yang baik mampu mendapat markah melebihi 15 markah untuk bahagian ini, manakala calon yang sederhana memperoleh markah antara 10 hingga 13 markah. Dari segi bahasa dan persembahan, prestasi calon adalah sederhana.

Calon yang lemah umumnya mendapat markah kurang daripada 10 markah. Mereka gagal mengesahkan isi utama dan kesimpulan dengan tepat dan lengkap. Mereka juga tidak dapat mengemukakan isi sokongan dengan tepat dan dengan jumlah yang mencukupi. Calon ini menulis sesuatu isi dengan panjang lebar kerana gagal memisahkan isi penting dengan huraiannya.

Dari segi persembahan, terdapat segelintir calon yang mengemukakan isi sokongan yang pertama dalam perenggan isi utama, dan menulis sebahagian daripada kesimpulan dalam perenggan isi sokongan. Hal ini disebabkan mereka tidak dapat membezakan isi utama dengan isi sokongan yang pertama, dan isi sokongan dengan kesimpulan.

Bahasa calon juga tidak lancar. Ramai calon memetik bahagian-bahagian ayat dan menyambungnya untuk membentuk ayat yang baharu. Hal ini menyebabkan ayat yang terbina tidak gramatis dan rumusan yang dihasilkan tidak mempunyai kohesi dan koheren.

### **BAHAGIAN C: Alih Bentuk Teks**

#### **Soalan 6**

Soalan ini memerlukan calon mengalih bentuk teks genre prosa klasik, iaitu petikan daripada Hikayat Marakarma. Calon dikehendaki mengalih bentuk teks itu kepada bentuk prosa bahasa Melayu moden. Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk soalan ini adalah lemah. Calon tidak memahami maksud teks dengan baik. Selain itu, calon juga tidak menguasai teknik mengalih bentuk teks yang betul. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat mengalih bentuk teks berkenaan ke dalam bahasa Melayu moden dengan kemas dan teratur.

Kelemahan jawapan calon ialah mereka tidak memahami maksud asal teks. Hal ini menyebabkan mereka mengalih bentuk teks mengikut tafsiran sendiri. Misalnya, terdapat calon mengatakan bahawa Maharaja Marakarma memanggil isteri kepada adiknya, dan terdapat calon yang membuat andaian bahawa Tuan Puteri Mayang Mengurai merupakan isteri kepada Maharaja Marakarma. Terdapat segelintir calon yang

menokok tambah isi, misalnya dikatakan nenek kebayan menangis tersedu-sedu, dan nenek kebayan sedang mencari suami. Hal ini bertentangan dengan maksud asal teks. Calon juga cenderung untuk membuat ulasan, iaitu dengan menggunakan penanda wacana, seperti kemudian, seterusnya, selain itu, dan sebagainya.

Kebanyakan calon menggunakan bahasa yang masih terikat dengan bahasa dalam teks, iaitu bahasa istana. Mereka tidak menggunakan bahasa istana dengan betul. Sebagai contoh, “baginda” dirujuk sebagai “beliau”, “dia”, ataupun “nya”. Tegasnya, kebanyakan calon gagal memilih kosa kata yang sesuai untuk bahasa istana.

### **Soalan 7**

Soalan ini mengkehendaki calon mengalah bentuk bahasa sajak kepada bentuk prosa bahasa Melayu moden. Secara umumnya, prestasi calon bagi soalan ini adalah lemah. Tidak ramai calon yang dapat mengalah bentuk teks ini dengan teknik yang betul, dengan menggunakan bahasa yang kemas dan lancar, serta dengan seluruh isi/faktanya yang dialih bentuk itu tepat. Calon memahami maksud teks dengan baik tetapi mereka tidak dapat mengalah bentuk teks berkenaan dengan tepat.

Kelemahan yang ketara ialah calon gemar memberikan ulasan terhadap setiap bait sajak yang diberikan. Mereka sering memulakan ayat dengan frasa “penyajak menyatakan”, “penyajak berpendapat”, dan “menurut penyajak”. Selain itu, calon juga gemar menggunakan penanda wacana, seperti “seterusnya”, “kemudian”, dan “selepas itu”. Kesannya, alih bentuk teks yang terhasil adalah dalam bentuk ulasan ataupun laporan. Terdapat segelintir calon yang tidak memahami maksud setiap bait sajak dengan baik. Calon ini cenderung untuk mengalah bentuk teks sajak mengikut pemahaman mereka sendiri. Hal ini menyebabkan alih bentuk yang terhasil bertentangan maksudnya dengan teks asal. Misalnya, calon menyatakan bahawa terdapat seorang budak kecil berdiri di tepi pagar dan memerhatikan Ah Chew dan Iskandar yang sedang bermain-main dengan riang, dan ada calon yang menyatakan bahawa Ah Chew langsung tidak mempunyai gigi.

Terdapat calon yang amat lemah yang tidak tahu langsung tentang cara untuk mengalah bentuk bahasa sajak ini. Mereka menjawabnya dengan menyalin sajak itu semula tanpa mengalah bentuk teksnya.

### ***BAHAGIAN D: Analisis Kesalahan Bahasa***

#### **Soalan 8**

Soalan ini mengkehendaki calon mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan yang diberikan, menjelaskan sebab kesalahan, dan membetulkan kesalahan tersebut.

Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah sederhana. Kebanyakan calon hanya memperoleh markah antara 4 hingga 7 markah. Calon hanya dapat mengesan dua hingga tiga kesalahan bahasa dan membuat pembetulannya. Hanya terdapat segelintir calon yang menguasai tatabahasa dengan baik dan mendapat markah lebih daripada 10 markah. Calon berkenaan dapat mengenal pasti tiga atau lebih kesalahan bahasa, mampu menjelaskan sebab kesalahan, dan membuat pembetulan dengan tepat.

Kelemahan calon bagi bahagian ini ialah mereka tidak berupaya untuk menghuraikan sebab kesalahan dengan tepat, walaupun mereka berjaya mengenal pasti bahagian yang salah dan membuat pembetulannya. Kesalahan yang pada umumnya dapat dikesan oleh calon ialah “...mengakui akan...”, “...tiada mempunyai...”, “...dirancang sebaik mungkin...”, dan “...untuk berekreasi, bersantai, beristirehat”. Kesalahan yang berkaitan dengan ejaan, iaitu “beristirehat”, dan kesalahan yang berkaitan dengan subjek ayat, iaitu “Di sesetengah sungai pula, sesuai sekali...” nampaknya sukar dikesan oleh mereka.

Kecenderungan calon mengemukakan kesalahan secara “tangkap muat” juga masih ketara. Mereka menyenaraikan unsur-unsur bahasa yang sebenarnya betul penggunaannya dengan anggapan bahawa unsur itu salah. Mereka mengharapkan bahawa ada antara bahagian yang disenaraikan oleh mereka sebagai salah itu menepati jawapan yang betul. Satu lagi kelemahan yang ketara dalam jawapan calon ialah ketidaktepatan istilah-istilah tatabahasa yang digunakan oleh mereka untuk menjelaskan sebab kesalahan, misalnya subjek ayat dinyatakan sebagai “objek”, dan kata sendi nama “dengan” disebut sebagai kata hubung. Hal ini menggambarkan bahawa mereka tidak menguasai konsep-konsep asas tatabahasa.